



JAWATAN : PENOLONG JURUTERA
GRED : JA29
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KEJURUTERAAN

JADUAL GAJI:

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM 1,549.00	RM 5,701.00	RM145.00

ELAUN:

Imbuhan Tetap Khidmat Awam	: RM160.00
Imbuhan Tetap Perumahan	: RM300.00
Bayaran Imbuhan Sara Hidup	: RM350.00

SYARAT LANTIKAN:

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - warganegara Malaysia;
 - berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29:RM1,549.00); atau
 - diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,935.02).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU:

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN:

- Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penguasa Bekalan Air, Pembantu Kemahiran, Pemeriksa Kereta Motor Gred AB19, AB22 dan AB26, Penjaga Jentera Elektrik dan Merinyu Tali Air adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Jurutera Gred JA29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(d); atau
- (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) had umur pelantikan:

- (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
- (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
- (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

TARAF JAWATAN : TETAP/ KONTRAK
LOKASI : UTM JOHOR BAHRU

SYARAT TAMBAHAN:

1. Memperoleh sekurang-kurangnya Gred C dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris peringkat SPM/SPMV.
2. Penguasaan Bahasa Inggeris yang baik. Boleh berbahasa dan menulis dalam bahasa Inggeris.
3. Perokok Adalah Sangat Tidak Digalakkan Memohon.
4. Sahsiah:
 - i. Mempunyai disiplin diri yang positif.
 - ii. Berketerampilan baik dan kemas.
 - iii. Semangat kerja berpasukan dan kerjasama yang tinggi.
 - iv. Sentiasa fokus kepada tugas yang dipertanggungjawabkan.
 - v. Bersedia menerima beban tugas yang lebih mencabar.
 - vi. Komitmen kerja yang sangat tinggi.
 - vii. Berkemampuan melaksanakan tugas melebihi tugas hakiki.
 - viii. Berkemampuan bekerja dalam apa jua situasi (*work under pressure*).
 - ix. Bersedia melaksanakan tugas dengan penuh integriti, akauntabiliti dan ikhlas.
5. Syarat tambahan/Khas Pusat Tanggungjawab (PTJ):
 - 5.1 Keutamaan latar belakang dalam bidang Kejuruteraan (Elektrik, Awam, Mekanikal atau setara).
 - i. Bidang Kejuruteraan Elektrik
Mempunyai kompetensi yang baik dan berpengetahuan di dalam rekabentuk, penyenggaraan, pengurusan aspek perundangan, statutori, garis panduan, piawai dan proses *troubleshooting* fasiliti dan infrastruktur seperti berikut:
 - a. Sistem HT, LV dan ELV
 - b. Sistem *Genset*
 - c. Sistem Audio Video
 - d. Sistem Tenaga Solar
 - e. Sistem PABX
 - f. Sistem CCTV
 - ii. Bidang Kejuruteraan Mekanikal
Mempunyai kompetensi yang baik dan berpengetahuan di dalam rekabentuk, penyenggaraan,

pengurusan aspek perundangan, statutori, garis panduan, piawai dan proses *troubleshooting* fasiliti dan infrastruktur seperti berikut:

- a. Sistem Hawa Dingin dan Pengudaraan
- b. Sistem Pencegah Kebakaran
- c. Sistem Lif dan Mesin Angkat
- d. Sistem Motor Elektrik & Pam
- e. Sistem *Sewage Treatment Plant* (STP)
- f. Sistem Bekalan Air Domestik dan Sanitari
- g. Sistem *Liquefied Petroleum Gas* (LPG)
- h. Sistem Pengandung Tekanan Tak Berapi

iii. Bidang Kejuruteraan Awam

Mempunyai kompetensi yang baik dan berpengetahuan di dalam rekabentuk, penyenggaraan, pengurusan aspek perundangan, statutori, garis panduan, piawai dan proses *troubleshooting* fasiliti dan infrastruktur seperti berikut:

- a. Struktur Bangunan, Jambatan, Empangan dan Cerun
- b. Komponen Bumbung, Kemasan & Perpaipan
- c. Kemudahan Awam dan Infrastruktur
- d. Sistem Retikulasi Air Luar Bangunan
- e. Sistem Pembetulan

iv. Berkebolehan dan berpengetahuan dalam mengendalikan perisian teknikal seperti berikut:

- a. Mahir dalam lukisan kejuruteraan dan perisian rekabentuk berbantuan komputer *CAD* seperti *AutoCAD* dan *STAAD Pro*. Pengalaman dalam pembuatan model adalah satu kelebihan.
- b. Mahir menggunakan perisian *Microsoft Word, Excel, PowerPoint* dan *Project*.
- c. Boleh menggunakan aplikasi *Google Services*.

5.2 Berpengalaman dalam mengendalikan peralatan uji

5.3 Kaji makmal dalam bidang kejuruteraan atau sains.

5.4 Berpengalaman dalam penyelenggaraan peralatan dan pembaikan kecil alat atau mesin.

5.5 Mempunyai sijil atau pengalaman dalam aktiviti berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (OSHE).

5.6 Bersedia untuk menjadi staf tunggu sedia dan boleh melakukan kerja di luar waktu pejabat.

5.7 Berpengetahuan dalam mengenalpasti kaedah melaksanakan kerja penyelenggaraan dengan berkesan.

5.8 Berpengalaman dalam bidang pengurusan aset dan fasiliti.

DESKRIPSI TUGAS

- i. Menyediakan bahan dan peralatan makmal untuk aktiviti amali/bengkel pengajaran.
- ii. Mengendali dan menjalankan analisis peralatan (penyelidikan atau perkhidmatan) di bawah tanggungjawab.
- iii. Membantu memastikan peralatan dan persekitaran makmal berada dalam keadaan baik sebelum dan selepas digunakan.
- iv. Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan kecil alat makmal dan fasiliti.
- v. Membantu aspek pematuhan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (OSHE) di makmal.

- vi. Melaksanakan proses penyelenggaraan dan persijilan jentera.
- vii. Merekod inventori, aset alih dan bahan guna habis di makmal daripada proses perolehan hingga pelupusan.
- viii. Menyediakan dan mengemaskini dokumentasi seperti prosedur, SOP dan borang-borang berkaitan penggunaan peralatan makmal.
- ix. Melaksanakan urusan pentadbiran dan kawalan staf di bawah unit.
- x. Melaksanakan pengurusan serta pemantauan kerja baikpulih, penyelenggaraan dan projek melibatkan fasiliti dan infrastruktur di kampus UTM.
- xi. Melaksanakan pengurusan rekabentuk sistem fasiliti dan infrastruktur yang terlibat.
- xii. Melaksanakan BCA (*Building Condition Assessment*) dan FCA (*Facilities Condition Assessment*).
- xiii. Menyediakan dokumentasi teknikal seperti lukisan kejuruteraan menggunakan CAD, menyediakan BQ teknikal, spesifikasi teknikal dan skop kerja bagi kerja-kerja perolehan dan mengeluarkan laporan ringkas kejuruteraan secara berkala.
- xiv. Merancang, menyelia dan memantau kerja di tapak sama ada dilaksanakan secara *in house* atau *outsources*.
- xv. Melaksanakan inisiatif penjimatan penggunaan utiliti air dan elektrik.
- xvi. Melaksanakan pengurusan serta pemantauan melibatkan sumber tenaga alternative seperti solar dan *air aquifer* di kampus UTM.
- xvii. Menjaga dan menguruskan sumber di bawah kawalan seperti kenderaan dan peralatan kerja.

CARA DAN PERATURAN PERMOHONAN:

1. Pemohon hendaklah membuat permohonan secara atas talian (online) dan melengkapkan semua maklumat termasuk memuat naik GAMBAR dan menjawab soalan Inventori Personaliti Staf Sokongan Baru (IPSB) melalui laman web UTM.
2. Bayaran RM20.00 dikenakan bagi satu (1) jawatan. Sila simpan resit bayaran sebagai bukti pembayaran.
3. Sila masukkan maklumat yang benar, lengkap dan tepat. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.
4. Calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemu duga.
5. Salinan sijil-sijil akademik dan sijil berkaitan perlu DISAHKAN dan dibawa ketika sesi temu duga dijalankan. **(Pengesahan oleh Pegawai Kerajaan Gred A dan keatas).**
6. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh (6) enam bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
7. Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan/Badan-badan Berkanun/Kuasa Tempatan hendaklah mengemukakan surat sokongan Ketua Jabatan serta salinan Buku Perkhidmatan dan Laporan Penilaian Prestasi terkini melalui pos kepada:

Jabatan Pendaftar (Seksyen Perjawatan & Kenaikan Pangkat)
Bahagian Sumber Manusia,
Universiti Teknologi Malaysia,
81310 Johor Bahru